



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/32/18 Jld.18 (36)
Tarikh : 1 Julai 2024

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 KE GRED N22 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22** dan tawaran ini terbuka hanya kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 yang sedang memegang Gred N22 mulai **02.01.2024**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memegang Gred N22 **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.

3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai 01 Januari 2023** : 1 salinan
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** : 1 salinan
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2021, Tahun 2022, Tahun 2023 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) Tahun 2024** : 1 salinan

4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuhan ke Gred N22, dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/

Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **9 Ogos 2024 (Jumaat)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: **Cik Melissa Martha Jimmy**)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangku/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib** bagi pegawai yang mempunyai rekod **Tidak Hadir Bertugas (THB)** telah **selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN:

- | | |
|--|--|
| - Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan | Mohon panjangkan ke semua
Bahagian/Jabatan di IPKKM |
| - Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan | Mohon panjangkan ke
semua institusi latihan KKM
di bawah BPL |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan | |
| - Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya | |
| - Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan | |

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

ADA / TIADA

1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023
(*Muat turun melalui Kod QR berikut*)

--	--



2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT 2021, 2022, 2023
(*Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan mukasurat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja*)

--	--

3. Salinan LNPK 2024

--	--

4. Cabutan salinan Penyata Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2023 sehingga kini

--	--

5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penangguhan lapor diri untuk pemangkuan)

--	--


6. Salinan keputusan/laporan Lembaga Tatatertib (jika berkaitan)

--	--

**SENARAI PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN KENAIKAN PANGKAT
BAGI PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 KE GRED N22
TARIKH MEMANGKU PADA 2 JANUARI 2024
ZON SEMENANJUNG**

BIL	NAMA	PENEMPATAN
1	MUHAMMAD IKHWAN RAFIE BIN IDRIS	JKN PERAK
2	NOR ARKMA BINTI MOHD SUHAIMI	JKN TERENGGANU
3	MASNAH AIZA BINTI MOIT	JKN PAHANG
4	SITI NOR AZILA BINTI ABU HASSAN	JK PAHANG
5	YUHAIZAD BIN MOHAMED YUSOF	JKN JOHOR
6	HAIRUNUZULAH BINTI SHOLIHIN @ SALIHIN	JKN SELANGOR
7	ASMAWI BIN MASNAWI	JKN PAHANG
8	MOHD HASNI BIN MOHD TALIB	JKN PAHANG
9	HAWA BINTI WAZALI	JKN KELANTAN
10	SITI NATASHAH BINTI BASRI	JKN KELANTAN

DISAHKAN OLEH:

NAMA:  MELISSA MARTHA JIMMY
 JAWATAN: Penolong Setiausaha Kanan (1)
 Unit Naik Pangkat (Sokongan)
 Bahagian Sumber Manusia
 Kementerian Kesihatan Malaysia
 TARIKH: 01/07/2024

**SENARAI PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN KENAIKAN PANGKAT
BAGI PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 KE GRED N22
TARIKH MEMANGKU PADA 2 JANUARI 2024
ZON SARAWAK**

BIL	NAMA	PENEMPATAN
1	MOHD. HISYAM B JOL	JKN SARAWAK

DISAHKAN OLEH:

NAMA:

JAWATAN:

TARIKH:


MELISSA MARTHA JIMMY
Penolong Setiausaha Kanan (1)
Unit Naik Pangkat (Sokongan)
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
01/01/2024

**SENARAI PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN KENAIKAN PANGKAT
BAGI PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 KE GRED N22
TARIKH MEMANGKU PADA 2 JANUARI 2024
ZON SABAH**

BIL	NAMA	PENEMPATAN
1	SITI SAHARAH BINTI ADNAN	JKN SABAH

DISAHKAN OLEH:

NAMA:

JAWATAN:

TARIKH:


MELISSA MARTHA JIMMY
Penolong Setiausaha Kanan (1)
Unit Naik Pangkat (Sokongan)
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

01/07/2024